
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HIS 213 – SUMBER DAN PRINSIP PERUNDANGAN ISLAM

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA daripada bahagian A dan DUA daripada bahagian B.

Bahagian A

1. Hukum *Taklifi* (تكليفي) dan Hukum *Wad'ie* (وضعي) adalah dua bentuk hukum syarak yang menjadi asas dalam ilmu perundangan Islam. Jelaskan perbezaan dalam perkara-perkara di bawah:
 - [a] Hukum *Taklifi* (تكليفي) dan Hukum *Wad'ie* (وضعي) [40 markah]
 - b] *Wajib muwassa'* (واجب موسّع) dan *wajib mudayyaq* (واجب مضيق) [30 markah]
 - [c] *Syarat nafaz* (شرط نفاذ) dan *syarat ghayr nafaz* (شرط غير نفاذ) [30 markah]

2. Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber hukum yang utama dalam perundangan Islam dan digelar sebagai "dalil naqli".
 - [a] Jelaskan maksud Al-Qur'an secara terperinci. [30 markah]
 - [b] Terangkan TIGA bentuk dalil yang terdapat dalam Al-Qur'an dan al-Sunnah. [30 markah]
 - [c] Huraikan EMPAT bentuk *nasakh* yang berlaku antara dalil naqli. [40 markah]

3. *Ijmak* (إجماع) dan *Istishab* (إستصحاب) merupakan antara sumber perundangan Islam yang digariskan fuqaha. Berdasarkan hal ini, jawab soalan-soalan berikut.
 - [a] Huraikan takrif *ijmak* dan bagaimana *ijmak* boleh berlaku. [40 markah]
 - [b] Jelaskan bagaimana *ijmak dimni* (إجماع ضمنى) berlaku serta DUA contoh yang bersesuaian. [30 markah]
 - [c] Terangkan TIGA Kaedah Fiqh yang lahir daripada prinsip *Istishab* (إستصحاب) serta berikan SATU contoh bagi setiap satunya. [30 markah]

Bahagian B

4. Syariat Islam mempunyai matlamat yang murni iaitu merealisasikan *Maslahah* (مصلحة) setiap individu. Berdasarkan kenyataan ini, huraikan:
- [a] Pembahagian *Maslahah* dari sudut keperluan manusia.
[30 markah]
- [b] Syarat-syarat menggunakan *Maslahah* sebagai sumber hukum.
[30 markah]
- [c] EMPAT hukum yang dibina berasaskan *Maslahah*.
[40 markah]
5. Huraikan pandangan ulama Usul Fiqh yang menyokong penggunaan sumber perundangan Islam berikut berserta dalil dan nyatakan contohnya.
- [a] Fatwa Sahabat (فتوى صحابة).
[30 markah]
- [b] *al-Istihsan* (الاستحسان).
[30 markah]
- [c] *al-'Urf* (العرف).
[40 markah]
6. Pembentukan sesuatu hukum menurut Islam perlulah melalui proses yang teliti. Penggubal hukum (*mujtahid*) dan mekanisme pembentukan hukum tersebut perlulah memenuhi beberapa kriteria tertentu.
- [a] Jelaskan definisi ijtihad dan huraikan DUA syarat melakukan ijtihad.
[30 markah]
- [b] Huraikan perbezaan antara ijtihad dan *taqlid* dan hukum pemakaian keduanya dalam bidang akidah dan fiqh.
[30 markah]
- [c] Huraikan kaedah berikut berserta dengan SATU contoh.
- [i] Setiap amalan bergantung kepada niat (الأمور بمقاصدها).
[ii] Hudud ditolak dengan syubhat (تدرأ الحدود بالشبهات).
[40 markah]